



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DAN BENCANA BANJIR DI MALAYSIA 18 JANUARI 2022

1. SITUASI SEMASA COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 18 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **3,093 kes** (2,741,355 kes kumulatif, 97.4%)
- Kes baharu : **3,245 kes** (2,813,934 kes kumulatif);
- Kes import : **274 kes** (187 warganegara; 87 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,971 kes** [2,882 warganegara (97.0%); 89 bukan warganegara (3.0%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **183 kes** (128 kes disahkan COVID-19; 55 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **84 kes** (52 kes disahkan COVID-19; 32 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **6,235 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **6,047 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **188 kluster**.

Daripada **3,245 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **39 kes (1.2 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **3,206 kes (98.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 1** yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 1: Nilai R_t Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 17 Januari 2022

NEGERI	NILAI R_t
WP KUALA LUMPUR	1.06
NEGERI SEMBILAN	1.05
SABAH	1.04
MELAKA	1.04
SELANGOR	1.00
JOHOR	0.99
KEDAH	0.97
PULAU PINANG	0.95
PAHANG	0.95
PERAK	0.94
KELANTAN	0.90
TERENGGANU	0.78
PERLIS	0.00
WP LABUAN	0.00
WP PUTRAJAYA	0.00
SARAWAK	0.00
MALAYSIA	0.98

2. SITUASI SEMASA BENCANA BANJIR

Sehingga jam 3 petang 18 Januari 2022, KKM juga ingin memaklumkan pusat pemindahan sementara (PPS) terakhir yang berada di Segamat, Johor telah ditutup dan semua mangsa banjir telah pulang ke rumah masing-masing. Keadaan cuaca bertambah baik dan tiada lagi amaran hujan berterusan dilaporkan.

Bilik gerakan banjir di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) telah ditutup secara berperingkat bermula dengan negeri Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah, Pahang, Melaka, Sarawak, dan Johor. Bilik gerakan banjir di JKN Johor telah ditutup pada jam 12.01 pagi, 16 Januari 2022. Ini menjadikan semua bilik gerakan banjir JKN yang terlibat banjir telah ditutup.

Tiada kes COVID-19 dilaporkan dalam kalangan mangsa banjir menjadikan jumlah keseluruhan sepanjang kejadian banjir adalah kekal sebanyak **471 kes**.

Selain itu, **tiada** penyakit berjangkit yang dikesan dalam kalangan mangsa banjir. Bilangan kes yang dilaporkan adalah seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Pecahan Kes Penyakit Berjangkit Yang Melibatkan Mangsa Banjir Pada 18 Januari 2022

Penyakit Berjangkit	Bilangan Kes	
	Semasa	Kumulatif
Jangkitan Saluran Pernafasan Akut (ARI)	0	1,518
Penyakit Kulit	0	623
<i>Acute Gastroenteritis (AGE)</i>	0	298
<i>Hand Foot & Mouth Disease (HFMD)</i>	0	6
Konjunktivitis	0	16
Jumlah	0	2,461

SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI SPIKE PROTEIN COVID-19 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sebanyak **186 kes baharu** varian telah dilaporkan daripada 14 Januari 2022 sehingga 18 Januari 2022 yang kesemuanya merupakan *Variant of Concern* (VOC) iaitu varian **Omicron (B.1.1.529)**. *Integrative Pharmacogenomics Institute*, Universiti Teknologi MARA (*iPROMISE*-UiTM) telah mengenalpasti **46 kes baharu**, *The Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre*, Universiti Malaya (*TIDREC*-UM) telah mengenalpasti **43 kes baharu**, *Malaysia Genome and Vaccine Institute* (*MGI*) telah mengenalpasti **43 kes baharu**, *Institute of Medical Research* (*IMR*) telah mengenalpasti **28 kes baharu**, dan *Institute of Health and Community Medicine*, *Universiti Malaysia Sarawak* (*IHCM-UNIMAS*) telah mengenalpasti **26 kes baharu**.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak **6,432 kes**. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, **6,412 kes adalah VOC** manakala **20 kes adalah VOI**. Secara keseluruhan, sehingga kini, bagi VOC terdapat sebanyak;

- 5,726 kes varian Delta;
- 439 kes varian Omicron;
- 233 kes varian Beta; dan
- 14 kes varian Alpha

Manakala bagi kes-kes VOI, terdapat sebanyak;

- 13 kes varian Theta;
- Empat (4) kes varian Kappa; dan
- Tiga (3) kes varian Eta

Perincian kes-kes positif COVID-19 varian VOC dan VOI mengikut negeri, saringan, dan kluster adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19 DAN BENCANA BANJIR

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya:

- **Memaklumkan status risiko COVID-19** kepada anggota penyelamat sekiranya disahkan positif COVID-19 atau dikenal pasti sebagai kontak rapat agar tindakan sewajarnya dapat diambil semasa proses pemindahan dan penyelamatan;
- **Sentiasa patuh kepada SOP** dan amalan norma baharu semasa proses pemindahan dan sepanjang tempoh berada di PPS;
 - i. **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit,** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
 - ii. **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**);
dan
 - iii. Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.
- **Elakkan dari berkumpul beramai-ramai** dalam kalangan mangsa banjir semasa berada di PPS;
- **Memakai pelindung diri** semasa operasi memindahkan mangsa banjir dan sewaktu melakukan proses-proses pembersihan pasca banjir;
- **Pastikan kebersihan diri terjaga** dengan segera membersihkan badan yang terkena air banjir dengan air

bersih dan amalkan mencuci tangan menggunakan cecair pembasmi kuman atau sabun terutamanya apabila pergi ke tempat menjadi gunasama seperti tandas;

- **Elakkan diri daripada bermain atau meredah air banjir;**
- **Sentiasa menjaga kebersihan kawasan PPS** untuk mengelakkan daripada penyakit bawaan vektor;
- **Elakkan daripada minum air dan makan makanan yang sudah tercemar;**
- **Sekiranya bergejala, segera dapatkan rawatan** di klinik atau hospital yang berhampiran terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita hamil, dan juga individu yang mempunyai komorbiditi; dan
- **Petugas perubatan di semua fasiliti kesihatan perlu lebih berwaspada akan gejala-gejala penyakit** yang sering dikaitkan dengan kejadian banjir seperti yang disebutkan di atas, seterusnya melakukan pemeriksaan yang sepatutnya agar rawatan segera dapat diberikan.

KKM akan sentiasa memantau dan menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan sebaik-baiknya agar penyakit berjangkit akibat bencana banjir terutamanya COVID-19 dapat dibendung. Untuk maklumat lebih lanjut dan kemaskini mengenai info bencana banjir, sila layari laman sesawang <https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/portal/index> .

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 Januari 2022 @ 6:30 petang

LAMPIRAN 1

**JADUAL 3: KES-KES BAHARU POSITIF COVID-19
VARIAN VOC DAN VOI TEMPATAN DAN IMPORT
DARIPADA 14 JANUARI 2022 SEHINGGA 18 JANUARI 2022**

Negeri	VOC				VOI	Jumlah
	Alpha B.1.1.7	Beta B.1.1351	Delta B.1.617.2	Omicron B.1.1.529		
Selangor	0	0	0	41	0	41
Sarawak	0	0	0	26	0	26
Johor	0	0	0	20	0	20
WP Kuala Lumpur	0	0	0	17	0	17
Perak	0	0	0	16	0	16
Negeri Sembilan	0	0	0	12	0	12
Kelantan	0	0	0	9	0	9
Pahang	0	0	0	9	0	9
Kedah	0	0	0	8	0	8
Terengganu	0	0	0	7	0	7
Melaka	0	0	0	5	0	5
Sabah	0	0	0	5	0	5
Pulau Pinang	0	0	0	5	0	5
WP Labuan	0	0	0	4	0	4
WP Putrajaya	0	0	0	1	0	1
Perlis	0	0	0	1	0	1
Jumlah Keseluruhan	0	0	0	186	0	186

JADUAL 4: BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 18 JANUARI 2022

Negeri	VOC								VOI						Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	Alpha		Beta		Delta		Omicron		Eta*		Kappa*		Theta*		Jumlah		
	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan			
Sarawak	-	-	1	46	1	2,514	10	34	1	-	-	-	-	13	13	2,607	2,620
Selangor	2	6	-	55	19	635	116	9	-	-	1	-	-	-	138	705	843
Johor	-	-	-	10	4	355	36	-	-	-	3	-	-	-	43	365	408
Pulau Pinang	-	-	-	10	2	371	16	-	-	-	-	-	-	-	18	381	399
Sabah	-	3	-	12	2	285	4	2	-	-	-	-	-	-	6	302	308
Perak	-	-	-	17	2	229	28	-	-	-	-	-	-	-	30	246	276
WP Kuala Lumpur	3	-	-	9	27	178	49	-	2	-	-	-	-	-	81	187	268
Negeri Sembilan	-	-	-	4	5	232	21	-	-	-	-	-	-	-	26	236	262
Kelantan	-	-	-	27	-	186	26	-	-	-	-	-	-	-	26	213	239
Pahang	-	-	-	5	1	213	18	1	-	-	-	-	-	-	19	219	238
Kedah	-	-	-	14	2	145	21	4	-	-	-	-	-	-	23	163	186
Melaka	-	-	-	7	3	134	15	-	-	-	-	-	-	-	18	141	159
Terengganu	-	-	-	9	5	79	15	-	-	-	-	-	-	-	20	88	108
Perlis	-	-	-	4	-	36	8	-	-	-	-	-	-	-	8	40	48
WP Labuan	-	-	-	-	7	35	1	4	-	-	-	-	-	-	8	39	47
WP Putrajaya	-	-	-	3	1	18	1	-	-	-	-	-	-	-	2	21	23
Jumlah	5	9	1	232	81	5,645	385	54	3	0	4	0	0	13	479	5,953	6,432
	14		233		5,726		439		3		4		13		6,432		
Jumlah Keseluruhan	6,412								20								

**JADUAL 5 : BILANGAN KES POSITIF COVID-19
DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT SARINGAN / KLUSTER
BAGI SETIAP NEGERI SEHINGGA 18 JANUARI 2022**

Negeri	VOC								VOI					Jumlah		Jumlah
	Alpha		Beta		Delta		Omicron		Eta*	Kappa*		Theta*		Kluster	Sporadik	
	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik			
Sarawak	-	-	18	29	248	2,267	-	44	1	-	-	8	5	274	2,346	2,620
Selangor	3	5	14	41	20	634	1	124	-	-	1	-	-	38	805	843
Johor	-	-	8	2	101	258	2	34	-	3	-	-	-	114	294	408
Pulau Pinang	-	-	3	7	55	318	-	16	-	-	-	-	-	58	341	399
Sabah	3	-	3	9	23	264	-	6	-	-	-	-	-	29	279	308
Perak	-	-	14	3	25	206	-	28	-	-	-	-	-	39	237	276
WP Kuala Lumpur	-	3	-	9	30	175	-	49	2	-	-	-	-	30	238	268
Negeri Sembilan	-	-	2	2	81	156	-	21	-	-	-	-	-	83	179	262
Kelantan	-	-	21	6	33	153	4	22	-	-	-	-	-	58	181	239
Pahang	-	-	5	-	121	93	3	16	-	-	-	-	-	129	109	238
Kedah	-	-	7	7	32	115	6	19	-	-	-	-	-	45	141	186
Melaka	-	-	4	3	34	103	-	15	-	-	-	-	-	38	121	159
Terengganu	-	-	7	2	38	46	-	15	-	-	-	-	-	45	63	108
Perlis	-	-	-	4	5	31	-	8	-	-	-	-	-	5	43	48
WP Labuan	-	-	-	-	12	30	1	4	-	-	-	-	-	13	34	47
WP Putrajaya	-	-	-	3	-	19	-	1	-	-	-	-	-	0	23	23
Jumlah Keseluruhan	6	8	106	127	858	4,868	17	422	3	3	1	8	5	998	5,434	6,432
	14		233		5,726		439		3	4		13		6,432		
	6,412								20				6,432			

Nota: * Kategori VOI sehingga 30 September 2021